



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556
Faks : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
Portal : www.kpkt.gov.my
E-mel : pro@kpkt.gov.my
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 KIt.42
(109)

Tarikh : 1 MAC 2014

SIARAN MEDIA

PROJEK PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) JALAN SUNGAI MANILA OFF JALAN LABUK SIAP DIBINA DENGAN KOS RM 121,700,000.00 KOMITMEN KERAJAAN UNTUK KESELESAAN RAKYAT BERPENDAPATAN RENDAH

SANDAKAN, 1 Mac 2014 - YAB Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Sungai Manila, Off Jalan Labuk, Sandakan, Sabah kepada Kerajaan Negeri Sabah yang diwakili oleh Ketua Menteri Sabah YAB Datuk Seri Panglima Haji Musa Bin Haji Aman, Ketua Menteri Sabah. Turut mengiringi YAB Timbalan Perdana Menteri dan YAB Ketua Menteri Sabah ialah YB Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada petang ini.

2. PPR Sg Manila ini telah dibina oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) dengan kos ini RM 121,700,000.00 di atas tanah milik Kerajaan yang berkeluasan 10.591 hektar yang merangkumi 1,000 unit rumah terdiri daripada 14 blok rumah pangsa 5 tingkat.

3. Penghuni PPR Jalan Sg. Manila off Jalan Labuk ini akan mendiami rumah yang berkeluasan 700 kaki persegi dengan 3 bilik tidur, 2 bilik air dan satu ruang tamu dan satu ruang dapur (unit tipikal). Hanya satu ciri yang membezakan unit tipikal dengan unit OKU iaitu satu bilik air bagi OKU.

4. Kemudahan asas yang disediakan berkonsepkan komuniti harmoni iaitu reka bentuk rumah yang menarik, dewan serbaguna, tadika, taska, pejabat pengurusan, taman permainan, kemudahan riadah, surau dan tempat letak kereta.

5. PPR ini menempatkan golongan yang sangat memerlukan bantuan perumahan dan berpendapatan rendah seperti penghuni kawasan setinggan selama lebih 25 tahun, menumpang rumah orang lain melebihi 30- 55 tahun, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan ibu tunggal.

6. PPR yang selesa dan mempunyai fasiliti yang mencukupi ini dibina oleh kontraktor pembinaan ialah Tulangis Maju Sdn. Bhd. Projek ini telah dimulakan pembinaannya pada 26 Mac 2009 dan telah siap sepenuhnya pada 31 Disember 2012.

7. Bagi negeri Sabah, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan 27 projek melibatkan 19,491 unit. Sebanyak 17 projek telah disiapkan iaitu melibatkan 14,256 unit. Manakala 10 projek dengan sebanyak 5,235 unit lagi masih dalam peringkat pelaksanaan iaitu:

- 1.PPR Kg. Kiansom Besar, Inanam (1,000 unit)
- 2.PPR Bukit Padang, Kota Kinabalu (760 unit)
- 3.PPR Kunak (400 unit)
- 4.PPR Keningau (300 unit)
- 5.PPR Batu 2 ½, Bubul Lama, Semporna (832 unit)
- 6.PPR Selagon, Beaufort (67 unit)
- 7.PPR Pekan Muhibbah (500 unit)
- 8.PPR Kg. Ketiau, Putatan (696 unit)
- 9.PPR Kg. Meruntum, Putatan (500 unit)
- 10.PPR Batu Sapi, Sandakan (180 unit)

8. Bila siap sepenuhnya kelak, kesemua unit ini akan memberikan kemudahan kediaman kepada 5,235 rakyat negeri Sabah dan dijangka diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sabah dalam masa setahun. PPR ini sama ada untuk dijual atau disewa akan ditentukan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

9. Senarai projek dalam perancangan adalah :

- 1.PPR Kepayan Ridge Kota Kinabalu (500 unit)
- 2.PPR Tawau (500 unit)
- 3.PPR Kota Belud (1,000 unit)
- 4.PPR Kudat (500 unit)
- 5.PPR Lahad Datu (500 unit)
- 6.PPR Kg Kampar, Kota Marudu, Kudat (500 unit)
- 7.PPR Sandakan (1,000 unit)
- 8.PPR Kg Gayang, Tuaran (500 unit)

10. Jumlah keseluruhan pembinaan PPR di seluruh negara adalah sebanyak 102,630 unit rumah, daripada jumlah tersebut sebanyak 72,076 unit telah siap dibina manakala sebanyak 12,101 unit masih dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

11. Rumah PPR Disewa adalah jenis rumah pangsa berbilang tingkat dan disewa pada kadar yang rendah iaitu RM150.00 sebulan seunit di Sabah. PPR Disewa yang telah siap dibina

akan diserahkan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah (KKTP) dan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah (KKTP) akan menyerahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan bagi mengendalikan urusan penyelenggaraan dengan menggunakan hasil sewaan yang dikutip.

12. Majlis pada petang ini diserikan dengan kehadiran YB Datuk Seri Panglima Haji Hajji Bin Haji Mohd. Noor: Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah, YBhg. Datuk Yong Bun Fou :Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Dato' Abu Bakar Bin Hassan: Setiausaha Persekutuan Sabah, YBhg. Datuk Mohamad Yusoff Bin Ghazali: Ketua Pengarah, Jabatan Perumahan Negara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg Datuk Matius Bin Sator Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah, YB Datuk Liew Vui Keong Ahli Parlimen Sandakan, Ahli-ahli Yang Berhormat ADUN Kawasan, Pegawai Kanan Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pegawai Kanan Kerajaan Negeri Sabah, pemimpin-pemimpin masyarakat dan penduduk-penduduk di kawasan Sg. Manila, Sandakan.

-Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat sembilan 9) Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Landskap Landskap Negara, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : pro@kpkt.gov.my